

01/01/1998

Kekalkan keaslian Tanah Tinggi Cameron

Tan Sock Hooi

DALAM keghairahan masyarakat mengejar pembangunan, pencemaran alam sekitar muncul sebagai kesan sampingan yang paling serius. Budaya mencintai alam sekitar yang disarankan oleh kerajaan sering tinggal momokan tanpa langkah perundangan dan penguatkuasaan yang berkesan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak syarikat gergasi berlumba-lumba menerokai bukit dan tanah tinggi yang dirasa berpotensi memulangkan keuntungan lumayan. Projek ini bukannya bersaiz mini, sebaliknya meliputi kawasan beratus hektar. Kawasan ini biasanya dibersihkan untuk membina hotel bertaraf lima bintang, pangsapuri, kemudahan rekreasi dan lain-lain.

Persoalannya, bagaimanakah projek besar-besaran ini boleh dicadangkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa sedangkan ia bertentangan dengan hasrat pemeliharaan alam sekitar? Pihak berkuasa nampaknya tidak bersepakatan dan sering menutup sebelah mata terhadap pemusnahan alam sekitar yang dilakukan oleh pihak pemaju.

Pernah suatu ketika, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Tanah Tinggi Cameron dan terkejut melihat pembotakan hutan yang mendadak di kawasan itu. Beliau kemudiannya mengarahkan supaya kerja penerokaan hutan dihentikan segera. Namun demikian, gesaan itu hanya berkesan untuk tempoh yang singkat. Aktiviti mencari keuntungan kembali aktif tidak lama kemudiannya.

Semua rakyat Malaysia maklum bahawa tanah tinggi ialah kawasan hutan yang mengekalkan sistem ekologi dan bertindak sebagai kawasan tadahan hujan, pengubahsuaian cuaca, pengawal hakisan tanah dan berperanan memastikan sistem ekologi beroperasi dengan sebaik-baiknya.

Namun, pembangunan di kawasan tanah tinggi sering mengabaikan elemen ini. Keuntungan adalah segala-galanya. Semakin maju sesuatu kawasan, maka semakin kerap kawasan itu menghadapi masalah seperti hakisan tanah, banjir kilat, pemendapan sungai, tanah runtuh dan pelbagai kesan jangka panjang yang lain.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah mengusulkan satu soalan: "Mana lebih penting - pembangunan pangsapuri atau keselamatan penduduk dan persekitaran?" (New Straits Times, 31 Disember 1993). Soalnya pernahkah kita (khususnya pemaju projek) merenung sebentar kesan negatif pemusnahan alam semula jadi ini. Satu hari nanti, manusia akan ditimpa bencana yang dilakukan oleh manusia sendiri.

Natijahnya, pemusnahan alam sekitar membawa kesan negatif yang mengancam penduduk setempat. Yang paling nyata ialah tanah runtuh yang semakin kerap berlaku dan meragut puluhan nyawa di beberapa kawasan di tanah tinggi itu.

Adalah tidak wajar sekiranya pembangunan materialisme atas tuntutan pelancongan menjadi alasan untuk kita merosakkan alam pesekitaran dan menghalalkan projek gergasi tertentu. Masalah ini sebenarnya sudah lama wujud di kawasan tanah tinggi khususnya Tanah Tinggi Cameron.

Lesen pembukaan tanah masih kerap dikeluarkan asalkan tauke yang memohon membuat bayaran yang 'memuaskan' kepada pihak yang berkenaan. Hal ini sudah tentu menguntungkan pihak yang mengeluarkan lesen dan tauke yang memohonnya. Sebaliknya, alam sekitar yang menerima padahnya.

Sejak dulu lagi, hutan di Tanah Tinggi Cameron dibersihkan dan dibina pangsapuri serta hotel yang mewah, dengan alasan memenuhi permintaan pelancong dari dalam dan luar negara. Pusat pelancongan seperti Tanah Rata, Brinchang dan Kea Farm menjadi botak akibat kerja mendirikan struktur konkrit dan besi.

Cuaca di Tanah Tinggi Cameron bertambah panas dan suhunya kadang kala mencecah 28 darjah celsius. Berbanding dengan pihak yang berusaha mempromosi keindahan dan kedinginan udara di tanah tinggi, pencapaian ini amat memeranjatkan dan usaha yang dilancarkan kelihatan sia-sia saja.

Selain pemusnahan akibat pelancongan, kegiatan penanaman bunga dan sayur-sayuran turut mengakibatkan penerokaan hutan yang berterusan dan berleluasa. Hal ini menyebabkan kebanyakan air sungai berkeladak dan mengandungi mendapan yang pekat. Tahun lalu, banyak wang telah digunakan untuk membersihkan empangan hidroelektrik di Ringlet. Namun, keadaan ini tidak akan berakhir selagi manusia tidak berhenti memusnahkan alam sekitar ini.

Seorang pengembara British, Hugh Kitchen yang melancong ke tanah tinggi ini dilaporkan sebuah akhbar, mengatakan, "Air Terjun Parit di Tanah Rata busuk. Banyak sampah di dalamnya, beg plastik dan bermacam-macam lagi terapung mengikut arus air terjun. Saya tidak mahu mencecahkan kaki ke dalam air."

Seorang pelancong dari London turut menyuarakan kekhawatirannya terhadap destinasi pelancongan di Malaysia, "Tolong, Malaysia, jangan melakukan kesilapan yang sama dengan mengabaikan keindahan alam semula jadi semata-mata ghairah untuk memperluaskan industri pelancongan." (New Straits Times, 16 Ogos 1993)

Persoalannya, tidak bolehkah destinasi pelancongan Tanah Tinggi Cameron mengekalkan suasana kehijauan dan keindahannya sebagai tarikan pelancong, berbanding dengan bangunan konkrit yang mewah tetapi berunsur materialistik? Bolehkah manusia yang bersikap tamak dan tidak pernah berasa puas dengan keuntungan yang diperolehinya berhenti memusnahkan khazanah alam sekitar yang tidak ternilai harganya?

Jika saya diberi pilihan antara pembangunan yang berleluasa dan keindahan alam semula jadi, saya rela memilih yang kedua. Hal ini kerana manusia dan alam semula jadi ialah dua elemen yang saling bergantung dan saling memerlukan. Musnahnya alam semula jadi, maka musnahlah manusia.